

## TAWARAN MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN SESI DISEMBER 2019

Siswa/i,

Perhatian kepada semua pelajar Politeknik Ibrahim Sultan, sukacita dimaklumkan senarai nama pelajar yang berjaya mendiami Kolej Kediaman bagi Sesi Dis 2019 telah dikeluarkan. **(Sila semak senarai nama yang dilampirkan)**. Pelajar-pelajar yang berjaya boleh membuat bayaran ke Kaunter Bank Islam dengan menjelaskan bayaran sepertimana berikut:

JENIS PEMBAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	BANK	BUTIRAN PEMBAYARAN	KAEDAH PEMBAYARAN
Yuran Asrama Pelajar (Lelaki)	60.00	Bank Islam Malaysia Berhad	POLITEKNIK KPT No. Akaun : <b>Hanya perlu memasukkan no. Kad Pengenalan Pelajar sahaja.</b>	ATM/CDM/Perbankan Internet BIMB ke BIMB sahaja
Yuran Asrama Pelajar (Perempuan)	630.00			
Yuran Aktiviti Asrama	46.00	Bank Islam Malaysia Berhad	KOPERASI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN JOHOR BAHRU BERHAD No. Akaun: 0108-7010-031499	Slip Deposit BIMB (Urusan di Kaunter Bank Islam sahaja)

2. Untuk makluman, **pendaftaran kolej kediaman bagi pelajar senior adalah sepertimana ketetapan berikut:**

**Tarikh:** 4 Disember 2019 – 12 Disember 2019

**(tidak termasuk hari cuti Kelepasan Am iaitu pada 6hb dan 7hb Disember 2019)**

**Masa:** i. 8.00 pagi – 4.30 petang (Ahad – Rabu)  
ii. 8.00 pagi – 3.00 petang (Khamis)

**Tempat:** Kaunter Pejabat Kolej Kediaman Pelajar, PIS

3. Pelajar dikehendaki melengkapkan **Borang Daftar Masuk & Keluar Bilik Pelajar** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang PIS dan sertakan bersama resit pembayaran (asal tidak perlu salinan) untuk dikemukakan ke Kaunter Pejabat Asrama semasa mendaftar masuk kolej kediaman. **Kegagalan untuk hadir pada tarikh tersebut akan menyebabkan Tawaran Menduduki Kolej Kediaman ini ditarik balik.**

Sekian, terima kasih.

**(ROHANA BINTI HASHIM)**  
Pengurus Asrama,  
Kolej Kediaman Pelajar,  
Politeknik Ibrahim Sultan.